

SEJARAH
ULAMA-ULAMA AHLI HADIS
(MUHADDITSIN)
DI INDIA

DIKUTIP DARI

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI INDIA



KARYA

AHMAD FAHMI ZAMZAM, MA
(ABU ALI AL-BANJARI AN-NADWI AL-MALIKI)

DITERBITKAN OLEH
BA'ALAWI KUALA LUMPUR

1 ZULKAEDAH 1431-H





**AL-'ALIM AL-'ALLAAMAH SAMAHATUS SYAIKH AS-SAYYID
ABUL HASAN ALI AL-HASANI AN-NADWI**
rahimahullahu ta'ala

(1333-1420H) (1914-1999M)

KATA PENGANTAR

Masih banyak di kalangan bangsa kita yang belum mengetahui tentang sejarah umat Islam di India dan tidak sedikit pula yang hanya mengenali negara India sebagai negara tertua di dunia, negara patung, negara tempoh lahirnya agama Hindu dan Buddha, negara yang penuh dengan cerita roh ajaib dan jin besar yang sering menjelma di bawah pohon besar di dalam hutan belantara.

Gambaran baru yang wujud di akhir-akhir ini, India adalah negara yang dibintangi oleh Mahatma Gandhi, Jawahar Lal Nehru, Indra Gandhi dan Rajiv Gandhi atau dalam peta dunia yang baru, tanah besar India telah terbahagi kepada tiga negara sejak tahun 1947, iaitu Republik India, Pakistan dan Bangladesh. India adalah sebagai wadah bagi orang-orang Hindu. Manakala negara Pakistan dan negara Bangladesh adalah menjadi kawasan yang dikhususkan bagi orang Islam.

Begitulah gambaran yang terlukis di fikiran kebanyakan bangsa kita tentang India. Mereka tidak mengetahui perkembangan sejarah Islam di sana dan tidak mengetahui ketinggian tamadun Islam yang tertegak di lembah Sungai Gangga ini, bahkan banyak yang tidak mengetahui bahawa umat Islam di India sekarang ini, setelah terjadinya pemisahan India – Pakistan – Bangladesh, masih berjumlah lebih dari 120 juta (lebih dari separuh umat Islam di Indonesia). Dan barangkali ada yang baru mendengar bila kita katakan bahawa kerajaan Islam pernah tertegak di bumi India lebih dari enam abad lamanya.

Bagi sebahagian masyarakat kita, adalah menjadi suatu keganjilan apabila kita katakana bahawa tanah India sekarang ini masih subur dengan alim-ulama' dan masih banyak mempunyai pusat-pusat pengajian Islam. Mereka beranggapan bahawa tanah India telah kosong dari alim-ulama' denga sebab

Penghijrahan kaum Muslimin dari negara India ke Pakisatan dan Bangladesh. Padahal kaum Muslimin yang masih tinggal di tanah India sekarang ini adalah lebih kurang sama banyaknya dengan mereka yang berada di Pakistan.

Penulis sendiri sebelum menginjak kaki di tanah India (sebelum Jun 1980) juga beranggapan demikian. Rasanya masih segar dalam ingatan suatu perasaan yang sangat dipaksakan dan langkah yang sangat berat ketika meninggalkan tanahair (Indonesia) menuju India untuk menuntut ilmu pengetahuan agama. Berbagai tanda-tanya yang timbul di dalam hati. Kenapa saya dikirim ke India untuk menuntut ilmu agama, bukankah lebih baik kalau dikirim ke Mesir, Saudi Arabia, Syria atau negara Timur Tengah yang lain. Namun terpaksa juga berangkat kerana mematuhi nasihat Tuan Guru.

Pada saat itu penulis belum lagi mengenali India. Maklumat tentang India hanya diperoleh dari sebuah buku tua yang pernah dibaca sewaktu kecil. Apa yang dapat dikhayalkan tentang India pada waktu itu hanyalah rasa terdengar kehalusan alunan irama deraian air terjun di puncak pergunungan Himalaya lalu mengalir ke hilir dan membentuk aliran sungai Gangga. Penulis juga cuba membayangkan di hadapan mata paras Dr. Mohammad Iqbal, Penyair Islam yang pernah dilihat gambarnya di dalam sebuah majalah yang pernah dibaca. Terasa bangga apabila membayangkan alam yang mengelilingi penyair ulung ini, mungkin lebih menyenangkan hati lagi apabila dapat melihat alam yang indah itu dari dekat dan dapat menziarahi pusara pujangga yang telah banyak menghidupkan jiwa-jiwa yang telah terlena dan tertipu dengan kemilau tamadun Barat. Begitulah kurang lebihnya apa yang terlintas dalam khayalan semasa berada dalam penerbangan Thai Airways ke New Delhi, India.

Ketika penulis sampai di India dan menginjakkan kaki di halaman Institut Pendidikan Islam "Nadwatul Ulama'" yang terletak di kota Lucknow (Uttar Pradesh) pada bulan Jun, 1980M (Rejab 1400H), terasalah udara dan suasana baru. Penulis terkejut mendengar suara gemuruh seperti bunyi lebah yang datang dari sudut Masjid, suara anak-anak menghafal Al-Qur'an.

Alangkah terkejutnya untuk pertama kali bertemu dengan seorang pelajar yang berumur 10 tahun yang sudah menghafal Al-Qur'an dengan baik. Penulis juga erpegun apabila di setiap masjid dikhatamkan Al-Qur'an dalam sembahyang Terawih di bulan puasa. Ketika inilah juga, buat pertama kalinya penulis mengetahui tentang kemampuan seorang pelajar berumur 15 tahun yang sudah hafal Al-Qur'an dan 500 buah hadis dari kitab "Shahih Bukhari". Dan terdapat banyak lagi perkara-perkara yang menakjubkan, yang membenarkan apa yang pernah dikatakan oleh Tuan Guru saya dan mendustakan atau melenyapkan prasangka yang selama ini menyelimuti hati saya. Dan timbul di hati saya rasa saying dan terharu terhadap kehebatan Ulama' dan masyarakat Islam India.

Keistimewaan yang dilihat di Nadwatul Ulama' telah mendorong penulis untuk membaca buku-buku sejarah umat Islam di India, kerana keadaan yang dilihat pada hari ini adalah hasil dari usaha yang telah ditanam berpuluh-puluh tahun yang lalu. Betapa bangga hati penulis apabila mengetahui bahawa kerajaan Islam telah tertegak di bumi India selama enam abad lamanya, dan penulis begitu terharu ketiak membaca kitab "*Nuzhatul Khawathir fi Bahjatil Masami' wan Nawazhir*" dalam lapan jilid besar yang dikarang oleh *Sayyid Abdul Hayy Fakhruddin al Hasani an Nadwi* (Ayah Sayyid Abul Hasan Ali al Hasani an Nadwi) yang mengandungi riwayat hidup 4500 ulama' besar India dan tokoh-tokoh agama sepanjang sejarah Islam di India. Saya juga sangat terharu bila membaca kitab "*Ast-Staqafatul Islamiah Fil Hindi*", juga karangan *Sayyid Abdul Hayy Fakhruddin Abul Hasan Ali al Hasani an Nadwi* yang banyak menyebut tentang tamadun Islam di India. Dan banyak lagi kitab lain yang sempat dibaca yang dapat memberikan gambaran yang benar terhadap perkembangan Islam di tanah besar India ini.

Penulis sangat menghormati bangsa India yang telah banyak melahirkan ulama' dan telah banyak pula mengarang kitab yang besar-besar. Justeru itu, timbullah keghairahan untuk memperkenalkan mereka kepada kaum

muslimin dan penggemar sejarah Islam di negara kita. Alangkah ruginya kalau tanah India yang kaya dengan ulama' dan Institusi Pendidikan Islam ini kita biarkan begitu saja, tidak diperkenalkan kepada bangsa kita. Penulis merasa terpanggil untuk menulis Sejarah Perkembangan Islam di India dalam bahasa Indonesia supaya bangsa kita dapat membaca dan merasakan suatu kebanggaan terhadap sejarah umat Islam India yang merupakan hak kita bersama sebagai umat yang seagama dan mempunyai satu cara hidup.

Kita tidak menafikan wujudnya buku-buku yang telah ditulis mengenai sejarah India secara umumnya dan sejarah umat Islam di India, khasnya. Tetapi kebanyakan buku-buku tersebut hanya menyebut *"Jatuh bangun takhta kerajaan atau percaturan politik yang belum bisa dijadikan gambaran yang tepat kepada sejarah perkembangan Islam, baik dari sudut dakwah, pemikiran dan peradaban"*.

Kita masih perlu kepada pernyataan yang lebih jelas mengenai corak masyarakat, ketinggian tamadun, budaya dan perkembangan dakwah Islammiyyah serta pola pemikiran yang tumbuh dan berkembang di tanah India ini, maka buku ini diketengahkan adalah dalam usaha untuk mengisi *kekosongan sejarah* ini.

Pihak orientalis Barat sangat banyak menulis tentang sejarah Islam di India. Namun tidak dapat dinafikan nilai-nilai ilmiah yang dikemukakan itu telah banyak dicampur-aduk dengan semangat kebencian terhadap umat Islam dan telah diwarnai oleh kepentingan imperialis terhadap dunia Islam – (sebagai contoh, cuba lihat pujian mereka terhadap Sultan Akhbar yang zalim itu dan celaan mereka terhadap Sultan Aurangzeb yang soleh dan adil). Dan yang lebih ganjil lagi, wujudnya sebahagian penulis kita yang hanya banyak mem'*photostate*' apa yang telah ditulis oleh orientalis tanpa membuat penilaian dan perbandingan dengan karya-karya yang telah dihasilkan oleh para ulama' dan sejarawan Islam India sendiri.

Alhamdulillah, penulis bersyukur kerana berkesempatan tinggal di India lebih kurang enam tahun (1980 – 1987) dan berkesempatan membaca buku-buku sejarah umat Islam di India yang ditulis oleh ahli sejarah bangsa India sendiri dari para Ulama' dan *Muarrikhin* serta menerima buah fikiran dari tokoh-tokoh Islam India. Di samping itu, saya berkesempatan pula mengunjungi beberapa tempat bersejarah, maka terhasillah buku "*Sejarah Perkembangan Islam di India*" ini sebagai himpunan dari sejarah yang ditulis dan kenyataan yang dilihat.

InsyaAllah setelah itu akan kita sebutkan sebab-sebab yang menghalang perkembangan Islam di India sebelum abad kesepuluh Hijrah, sehingga babak ini diakhiri dengan satu puncak kemerosotan, iaitu di zaman *Sultan Akhbar* yang memerintah di akhir abad kesepuluh Hijrah. Zaman pemerintahan Akhbar adalah suatu zaman yang sepatutnya disifatkan dengan "Zaman Kegelapan" dalam sejarah perkembangan Islam di India, walaupun bagi orientalis dan pengikut-pengikutnya menganggap zaman Akhbar sebagai zaman keemasan pemerintahan kerajaan Mongol.

Setelah itu akan kita sebutkan peranan seorang ulama' ahli sufi, iaitu Imam Ahmad As Sirhindi yang dapat merubah haluan pemerintahan kerajaan Mongol yang hampir binasa itu. Beliau telah mampu memulihkan keadaan yang sudah terlalu rosak, sehingga hilanglah zaman kegelapan itu dan berganti dengan zaman pemerintahan yang adil di zaman Sultan Auranzeb, seorang raja yang soleh lagi adil yang telah dizalimi sejarahnya oleh pihak orientalis dan pengikut-pengikut mereka.

Kita juga menyebutkan bagaimana peranan *Imam Waliyullah Ad Dahlawi* yang telah suksse merubah haluan pemikiran umat Islam India. Beliau sukses mengorak pemikiran mereka yang "*jumud*" ke alam pemikiran yang terbuka dan produktif. Beliau telah dapat melahirkan generasi yang meneruskan cita-citanya, sehingga umat Islam India muncul sebagai ulama'-ulama' yang unggul di bidang ilmu hadis pada tiga abad yang terakhir ini.

Diambil dari mukadimah Sejarah Perkembangan Islam di India karya KH Ahmad Fahmi ZamZam, MA

**ULAMA'-ULAMA' AHLI HADIS
(MUHADDITSIN)
DI INDIA**

Di zaman Khalifah Al-Walid bin Abdul Malik Al-Umawi, iaitu di akhir abad pertama Hijrah, Muhammad bin Qasim Ast-Staqafi telah dapat membuka wilayah Sind di Barat Laut India. Sejak saat itu wilayah Sind telah rasmi menjadi daerah kekuasaan pemerintahan Islam yang berpusat di Damascus dan begitu pula ketika pusat pemerintahan Islam berpindah dari Damascus ke Baghdad di Iraq semasa pemerintahan Bani Abbas. Dalam masa yang berkurun-kurun ini banyak ulama' dan tokoh-tokoh agama yang datang ke tanah India terutama dari keturunan Ali bin Abi Thalib yang lebih dikenali dengan panggilan Alawiyyin, kerana mereka lari dari kekejaman Bani Umaiyyah dan Bani Abbad yang sentiasa dendam terhadap mereka.

Para ulama' ini datang ke tanah India membawa ilmu pengetahuan dan ajaran agama. Di antara mereka yang terkenal ialah Syekh Israil bin Musa al-Bashri yang berasal dari Kota Basrah (Iraq) dan Syekh Mansur bin Hatim An-Nadwi, seorang ahli ilmu nahu (ilmu tata bahasa Arab), Syekh Ibrahim bin Ahmad Ad-Dibuli, Syekh Ahmad bin Abdullah Ad-Dibuli, Syekh Abul Abbas Ahmad bin Muhammad Al-Mashur dan lain-lain lagi.

Ketika Sultan Mahmud Al-Ghaznawi datang memasuki India pada akhir abad keempat Hijrah, banyak pula ulama' yang datang mengiringinya. Kebanyakan dari mereka itu datang dari daerah Khurasan dan Iran Utara. Mereka datang ke India untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan berdakwah kepada jalan Allah. Tetapi mereka telah membawa pola pemikiran baru dan corak ilmu pengetahuan yang tersendiri. Mereka sangat fanatic dengan Mazhab Hanafi yang mereka anuti. Mereka sibuk dan lebih banyak mementingkan masalah-masalah kilafiyah dan falsafah Yunani yang telah usang itu daripada kembali kepada Al-Qur'an dan Hadis.

Dari itu lahirlah generasi penerus yang mewarisi ilmu mereka. Terlalu sedikit yang mempelajari ilmu hadia dan Tafsir. Sekiranya ada di antara mereka yang telah membaca kitab hadis "*Masyraiqul-anwar*" karangan Imam Ash-Shaghani atau kitab "*Masgabihus Sunnah*" karangan Imam Muhyis-Sunnah Husen al Farra, ia sudah merasa ilmu hadisnya sudah mendalam. Dan sekiranya ada di antara mereka yang sudah membaca kitab "*Misykatul-Mashabiih*", dia merasa sudah sampai ke martabat ahli hadis.

Pengetahuan hadis masih terasa dangkal di kalangan ulama' India, sehingga ke akhir abad yang kesepuluh Hijrah. Pada akhir abad ini, datanglah beberapa ulama' hadis ke Tanah India seperti *Syekh Abdul Mu'thi Al-Makki* (wafat tahun 999H) yang datang dari tanah suci Mekkah, *Syekh Syihabuddin Ahmad Al-Mishri* (wafat tahun 992H) dari Mesir dan *Syekh Muhammad bin Ahmad Al-Faakihani* (wafat tahun 992H). Mereka datang ke Tanah India untuk menyebar-luaskan ilmu Hadis dan mengajarkannya kepada ulama'-ulama' India pada ketika itu.

Dari apa yang ditanamkan oleh para ulama' yang kita sebutkan di atas, lahirlah generasi yang bersemangat untuk memperdalam ilmu hadis dari bangsa India sendiri. Mereka sudah mulai menggemari ilmu hadis dan merasakan kelazatannya. Banyak di antara mereka yang pergi ke Tanah Suci Mekkah untuk belajar ilmu hadis dari ulama'-ulama' besar, ahli hadis yang mengajar di sana.

Di antara ulama' India yang terkenal dalam ilmu hadis pada waktu itu ialah *Syekh Abdullah bin Sa'dullah As-Sindi*, *Syekh Rahmatullah As-Sindi*, *Syekh Yaqub Al-Kasynuru* (wafat tahun 1003H), *Syekh Abdullah Syamsuddin Al-Sultanpuri* dan *Syekh Muhammad Tahir Al-Fatani Al-Ghujerati* yang mengarang kitab "*Majma'ul Biharil Anwar, Fi Gaharaibit Tanzili Wa Lathaifil Akhbar*", sebuah kitab yang sangat penting dalam ilmu hadis kerana ia memuatkan perbahasan yang menerangkan kalimat-kalimat sulit yang sering ditemui dalam kitab-kitab hadis.

Setelah itu lahirlah **Syekh Abdul-Haq Bin Saifuddin Ad-Dahlawi** (958 – 1052H). Beliau sangat gigih berusaha meluaskan penyebaran ilmu hadis di tanah India. Beliau telah menulis dua kitab hadis yang merupakan keterangan kepada kitab Misykatul-Mashabih. Kitab pertama dalam Bahasa Persia dinamakan "**Asyi'atul Lama'at**" dan yang kedua dalam Bahasa Arab berjudul "**Lama'atul Tanqih**". Setelah beliau wafat, tugas ini diteruskan oleh anaknya yang bernama **Syekh Nurul Haq Ad-Dahlawi** (wafat tahun 1075H), pengarang kitab "**Taisirul Qari Syarhil Bukhari**" dalam Bahasa Persia, bahasa umat Islam India ketika itu.

Setelah itu datanglah satu babak baru yang dipimpin oleh **Imam Ahmad Bin Abdur-Rahim**, yang lebih terkenal dengan sebutan **Syah Walyullah Ad-Dahlawi** (wafat tahun 1176H). Beliau merupakan pangkal keberhasilan ulama' India merebut martabat yang tinggi dalam ilmu hadis dari abad ketiga belas yang lalu sehingga kini.

Pada mulanya, Imam Waliyullah Ad-Dahlawi telah berguru dengan ayahnya sendiri, Syekh Abdur-Rahim Ad-Dahlawi. Kemudian beliau meneruskan pelajarannya ke Tanah Suci Mekkah dan Madinah. Di Madinah beliau telah berguru dengan seorang ahli hadis yang berasal dari bangsa Kurdi bernama Syekh Abu Tahir Al-Kurdi. Ad-Dahlawi begitu terpengaruh dengan gurunya itu dan hatinya terdorong untuk terus duduk di dalam halaqahnya (majlis ta'limnya) selama beliau berada di Madinah. Apabila pulang ke India, beliau terus menyebarkan ilmu hadis yang telah diterima dari gurunya tadi. Dahlawi juga mempunyai kecerdasan yang luarbiasa sehingga beliau dapat mengembangkan bakatnya yang telah ada. Banyak rahsia ilmu hadis yang dapat dikeluarkannya. Beliau adalah pembuka babak baru dalam lembaran sejarah ilmu hadis di India.

Tiga puluh tahun lamanya Dahlawi mengajar hadis di Madrasah Darul Uluum Delhi. Banyak ulama' hadis yang dapat dilahirkannya dan banyak pula di antara mereka yang mengarang kitab-kitab hadis yang penting dan menjadi bahan rujukan para pengkaji dalam bab ini.

Syah Abdul Aziz Bin Syah Waliyullah Ad-Dahlawi adalah pewaris ilmu dan bakat ayahnya. Beliau bersama tiga orang saudaranya yang lain iaitu **Syah Abdul Qadir, Syah Rafi'uddin** dan **Syah Abdul Ghani** telah dapat memenuhi cita-cita ayahnya. Mereka adalah empat orang bersaudara yang tidak dapat dilupakan peranannya dalam sejarah ilmu Hadis di tanah India.

Generasi ini kemudian disambung oleh Jamaah Muhaddissin yang diketuai oleh **Syekh Muhammad Ishaq Ad-Dahlawi**, cucu Syah Abdul Aziz Ad-Dahlawi bersama dengan **Syekh Abdul Hayy bin Hibatullah Al-Burhanuwi, Syekh Abu Said Ad-Dahlawi** dan **Syekh Abdul Haq Bin Fadhullah Al-Ustmani**.

Setelah itu datanglah generasi baru yang dipimpin oleh **Syekh Abdul Ghani bin Syekh Abu Said Ad-Dahlawi** (wafat tahun 1292H), pengarang kitab *"Injahul Hajah Fi Syarhi Sunani Ibni Majah"*. Syekh Abdul Ghani merupakan Khalifah dan pewaris ilmu dari Syekh Muhammad Ishaq Ad-Dahlawi.

Syekh Wilayat Ali Al-Azhimabadi juga termasuk ulama' ahli Hadis yang masyhur pada waktu itu. Di samping sebagai seorang Muhaddith, beliau juga salah seorang pemimpin tentera Mujahiddin yang menyertai perjuangan Imam Ahmad bin Irfan Asy-Syahid. Banyak orang datang berguru dengannya. Mereka sangat kagum dengan peribadi beliau yang dapat menemukan antara kepahlawanan dan keilmuan yang mendalam.

Setelah itu datang period baru yang lebih banyak lagi melahirkan ulama'-ulama' ahli ilmu Hadis. Pada period ini, pusat pengajian Ilmu Hadis bukan hanya di kota Delhi sahaja, tetapi sudah tersebar di kota-kota lain.

Di Delhi, ulama' ahli Hadis berguru dengan **Syekh Sayyid Nadzir Hussen Ad-Dahlawi** (wafat tahun 1320H). Beliau telah mengajar ilmu Hadis selama 50 tahun sehingga dapat berguru dengan beliau seorang datuk dan cucunya. Kita tidak dapat mengira berapakah jumlah murid-muridnya. Pendek kata, di setiap kampung terdapat orang yang pernah berguru dengan beliau.

Di Gangguh, ahli Hadis berguru dengan **Syekh Rasyid Ahmad Al-Ghanghuhi** (wafat tahun 1323H). Beliau adalah murid terbesar dari Syekh Abdul Ghani Ad-Dahlawi. Beliau mengajar selama 30 tahun di pondok yang beliau dirikan di kampung Gangguh yang jauh di pedalaman itu. Meskipun demikian, para penuntut tetap datang ke sana untuk mengambil ilmunya. Syekh Rasyid Ahmad Al-Gangguhi biasanya mengajar semua Kutubus-Sittah (enam buah kitab Hadis yang masyhur itu) dan menamatkannya dalam satu tahun. Kitab karangan beliau yang terkenal ialah *"Al-Kaukabud Durri Ala Jami'it Tirmizi"* dalam dua jilid besar dan kitab *"Al-Kawakibud dari Alal Bukhari"*. Kedua kitab tersebut adalah kumpulan dari keterangan yang beliau berikan ketika mengajar kitab Hadis Tirmizi dan kitab Shahih Bukhari yang telah dikumpulkan oleh murid beliau yang bernama Syekh Muhammad Yahya Al-Kandahlawi.

Di Lucknow, ahli Hadis berguru dengan **Syekh Abdul Hayy bin Abdul Halim Al-Laknawi** (wafat tahun 1304H). Beliau selain mengajar, juga banyak mengarang kitab. Kitab karangannya lebih dari 110 buah. Di antaranya ada yang berbahasa Arab dan ada yang berbahasa Urdu dan Persia. Kitab beliau ini telah menjadi bahan rujukan ulama' ahli Hadis, sama ada di India mahupun di luar negeri. Di antara karangan beliau yang terkenal ialah *"As-sia'yah Fi Syarhil Wiqayah, Mishbahud-Duja, At-Ta'liqul Mumajjad 'Ala Muwaththail Imam Muhammad, Ar-Raf'u Wat Takmil Fil JARHI Wat Ta'dil, Imamul-Kalam Fima Yata'allaqu Bil Qiraati Khalfal Imam, Al-Fawaidul bahiyyah Fi Tarajimil Hanafiyyah"* dan lain-lainnya.

Di Bhopal, ulama' Hadis berguru dengan **Sayyid Shiddiq Hasan Khan** (wafat tahun 1317H). Beliau juga merupakan salah seorang ulama' India yang banyak mengarang. Semua karangannya telah mendapat sambutan baik di kalangan ahli Hadis. Kitab karangan beliau berjumlah 222 buah yang meliputi berbagai ilmu dan perbahasan dan 56 buah di antaranya berbahasa Arab dan yang lainnya dalam bahasa Urdu dan Persia. Di antara karangannya yang terkenal ialah kitab *"Nuzulul Abrar Fi Syarhi Muntaqul Akhbar"* (yang merupakan ringkasan dari kitab "Nailul Authar" karangan Imam Asy-Syaukani),

Al-Hiththah Bi Dzikri Shihahis-Sittah, (kitab yang membahaskan masalah-masalah sulit yang terdapat di dalam Kutubus-Sittah), *Miskul Khitam Fi Syarhi Bulughil Maram* (dalam bahasa Persia), *Fathul Allam Fi Syarhi Bulughil Maram* (dalam bahasa Arab), *'Aunul Bari Fi Halli Adillatil Bukhari*, (Syarah Shahih Bukhari dalam empat jilid besar), *As-Sirajul Wahhaj Min Kasyfi Mathalibi Shahihi Muslim Ibnul Hajjaj* (syarah Shahih Muslim), *Fathulbayan Fi Maqashidil Quran* (Tafsir Al- Quran dalam sepuluh jilid besar), *Nailul Maram Fi Tafsiri Ayatil Ahkam* (kitab yang khusus mentafsirkan ayat-ayat hukum), *Abjadul-Uluum*, *AtTajul Mukallal*, *Al Bughah Fi Ushulil Lughah*, *Al alamul Khaffaq Fi Limil Isytiqaq*" dan lain-lain.

Di Bihar, para ahli Hadis berguru dengan **Syekh Syamsul-Haq Ad-Diyanawi**, murid terbesar Syekh Sayyid Nazir Husen Ad-Dahlawi. Beliau adalah pengarang kitab *"At-Ta'liqul Mughni Fi Syarhid Daraquthni"* dalam dua jilid dan kitab *"Ghayatul-Maqshud Fi Syarhi Abi Daud"* yang kemudiannya disiapkan oleh muridnya Syekh Asyraf Ad-Diyanawi dan kitab itu diberi nama *"Aunul Ma'bud Fi Syarhi Abi Daud"*, syarah kitab Abu Daud yang tidak asing lagi bagi setiap orang mendalami kitab ini.

Setelah itu datang pula period baru yang berpusat di pesantren **Darul Uluum Deoband** dan **pesantren Mazhahirul Uluum Saharanpur** dan di beberapa tempat lain di Kota A'zamgarh.

Di Deoband, ilmu Hadis mulai berkembang pesat sejak **Syekh Rasyid Ahmad Al-Ghanghuhi** datang mengajar ke sana, kemudia disambung oleh **Maulana Asaraf Ali Al-Tahanwi** (wafat tahun 1362H). Beliau adalah murid terbesar Syekh Rasyid Ahmad Al-Ghanghuhi dan yang mewarisi ilmunya. Kitab beliau yang bernama *"I'laus-Sunnan"* dalam 18 jilid sudah cukup menjadi saksi atas kedalaman ilmu beliau di bidang ilmu Hadis dan Fiqh. Setelah itu disambung pula oleh **Syekh Mahmudul Hasan Ad-Deobandi** (wafat tahun 1330H) yang lebih terkenal dengan gelaran Syekhul Hind. Selain dari seorang ulama' ahli Hadis, beliau juga seorang muhajid yang gigih berjuang untuk membebaskan

India dari jajahan Inggeris. Beberapa tahun lamanya beliau dibuang ke Pulau Andaman kerana Inggeris mencurigai beliau membuat gerakan bawah tanah yang sangat membahayakan imperialis Inggeris. Setelah itu datanglah giliran murid beliau yang bernama **Syekh Anwar Syah Al-Kashmiri**, pengarang kitab *Faidhul Bari Ala Sahahihil Bukhari* yang merupakan keterangan singkat dan padat pada kitab Shahih Bukhari.

Di Saharanpur, pengajaran ilmu Hadis mulai giat sejak dari **Maulana Khalil Ahmad As-Saharanfuri** (wafat tahun 1346H) mulai mengajar di madrasah Mazhahirul-Uluum Saharanpur. Beliau adalah salah seorang di antara khalifah dan pewaris ilmu **Syekh Rashid Ahmad Al-Ghanghuhi** dan beliau adalah pengarang kitab *"Bazlul Majhud Fi Halli Abi Daud"* dalam 20 jilid besar yang merupakan syarah yang terlengkap kepada kitab Hadis Abu Daud dan beliau juga adalah pengarang kitab *"At-Ta'liqat"*, keterangan singkat kepada kitab Shahih Bukhari.

Kemudian kedudukan Maulana Khalil Ahmad As-Saharanfuri dalam mengajar ilmu Hadis digantikan oleh muridnya, **Syekh Yahya Al-Kandahlawi**. Syekh Yahya kemudiannya digantikan oleh anaknya yang bernama **Syekh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi**. Selain dari mengajar, Syekh Zakaria juga banyak mengarang kitab. Kitab beliau yang terpenting ialah *"Aujazaul Masalik Ila Muwathhai Malik"* syarah yang panjang lebar pada kitab Muwattho' karangan Imam Malik. Kitab ini terdiri dari enam jilid besar. Kitab lain ialah Kitab *"Al Lami'ud-Dari Fi Syarhil Bukhari"* dalam empat jilid dan kitab "Al-Abwab Wat Tarajim Lil Bukhari" yang menerangkan maksud Imam Bukhari dalam mentabwibkan (membuat bab) dalam kitabnya.

Di kota A'zamgarh juga banyak ulama' Hadis yang lahir dan mempunyai peranan penting dalam pengembangan ilmu Hadis di tanah India. Di antara mereka yang terkenal ialah **Syekh Abdul Rahman Al-Mubarakpuri**, pengarang kitab *"Tuhfatul Ahwazi Fi Syarhit Tirmizi"* dalam lima jilid besar dan jilid pertama khusus untuk Muqaddimah yang menerangkan dasar-dasar ilmu hadis yang amat penting diketahui oleh orang yang hendak memperdalam

ilmu Hadis, khususnya sunan Tirmizi. Dan **Maulana Ubaidullah Abdur Rahman**, pengarang kitab *"Al-Mir'at Fi Syarhil Misykat"* dalam empat jilid besar yang merupakan syarah yang terlengkap dan paling merangkumi permasalahan yang berhubungan dengan kitab "Misykatul Mashabih".

Kita tidak dapat melupakan peranan **Maulana Habibul Rahman Al-A'zhami** sebagai seorang pentashih, pengulas dan penerbit kitab *"Al-Mushannaf"*, karangan Imam Abdur Razzak Ash-Shan'ani seorang ulama' ahli Hadis yang berasal dari Yaman, Kitab ini telah diterbitkan dalam enam belas jilid besar. Demikian juga "Musnadul Humaidi" yang juga ditashih dan diterbitkan oleh Syekh Habibur Rahman Al-A'zhami. Maulana Habibur Rahman masih hidup sehingga kini (1987) dan beliau mengajar ilmu Hadis di Madrasah Miftahul Uluum yang terdapat di daerah A'zamgrah.

Perhatian ulama' India di bidang ilmu Hadis ini tetap berterusan sehingga hari ini dan masih terdapat banyak lagi tokoh-tokoh generasi penerus yang hidup dan memikul tugas ini. Mereka tetap mempertahankan kedudukan mereka dalam mencapai darjat yang tinggi di dalam bidang Hadis sejak dari dua abad yang lalu.

Syekh Muhammad Rasyid Ridha (wafat 1935H) seorang ulama' besar dari Mesir telah mengakui tentang keunggulan ulama' India dalam menduduki martabat tertinggi di bidang ilmu Hadis. Beliau menyatakan:

"Kalau bukan kerana usaha ulama' India untuk mendalami ilmu Hadis di akhir-akhir ini, ia tentu telah hilang dan lenyap dari dunia Islam. Ilmu Hadis telah lemah dan tidak mendapat perhatian dari ulama' Mesir, Syam (Palestine, Jordan dan Syria) dan Hijaz (Mekah dan Madinah) sejak dari permulaan abad kesepuluh hingga kini.

KARYA-KARYA TAMBAHAN

Selain dari apa yang disebutkan sebelum ini, ulama' ahli Hadis dari India juga mempunyai karangan yang lain-lain, di antaranya ialah:

1. *"Masyariqui-Anwar"*, karangan Syekh Hasan bin Muhammad Ash-Shaghani At-Lahori. Ia merupakan Kitab Hadis yang mengumpulkan hadis-hadis yang terdapat dalam Kutubus-Sittah.
2. *"Kanzul' Ummal fi Sunanil Aqwal Wal Af'al"*, karangan Syekh Alauddin Ali bin Hishamuddin Al-Muttaqi (wafat tahun 973H). Kitab ini sangat penting kepada orang yang hendak mendalami ilmu Hadis kerana di dalamnya dihimpunkan hadis-hadis yang bertebaran di sana-sini dalam kitab-kitab hadis yang besar.
3. *"Al'Urwatul Wustqa Limuttabi'l Sunnati Sayyidil Wara"*, karangan Syekh Abdullah Ash-Shiddiqi Al-Alahabadi. Kitab ini disusun mengikut susunan kitab-kitab Fiqh.
4. *"Khairul Mawa'izh"*, karangan Syekh Abur-Raja Muhammad Zaman Asy-Syah Jahanpuri, sebuah kitab Hadis yang disusun mengikut susunan kitab Raiyadhus Shalihin, karangan Imam Nawawi.
5. *"Syarhul Muntaqa Libnul Jaruud"*, karangan Mufti Shibghatullah bin Muhammad Ghaust Asy-Syafi'I Al-Madrasi.
6. *"Sati'ul Anwar Min Kalami Sayyidil Abrar"*, karangan Syekh Nashiruddin Al-Burhanpuri.
7. *"Hidayatul-Ghawi fil Manhajis-Sawiyy Fith-Thibbin Nabawi"*, karangan Syekh Muhammad Ghaust Al-Madrasi. Sebuah kitab yang mengumpulkan hadis-hadis yang berkenaan dengan perubatan.
8. *"Sultanul Azkar"*, karangan Syekh Nurul Hasan bin Shiddiq Hassan Khan. Kitab ini merupakan ringkasan dari Kitab "Amalul Yaumi Wal Lailati", karangan Imam Ibnus-Sunni.
9. *"Hadistul Arba'in"*, karangan Imam Waliyullah Ad-Dahlawi telah menyebutkan 40 buah hadis yang diriwayatkan sampai kepada Rasulullah SAW dengan perantaraan Saidina Ali bin Abi Thalib r.a.

10. *"Tarjumanus-Sunnah"*, karangan Syekh Badar Alam Al-Mirati dalam empat jilid besar.
11. *"Astaarus Sunan"*, karangan Syekh Zhahir Ahsan An-Nimawi. Kitab yang menyebut hadis-hadis yang dijadikan hujah dalam mazhab Hanafi dan kitab ini merupakan suatu pendekatan antara mazhab Hanafi dengan Al-Hadis pada beberapa masalah yang dikatakan bahawa mazhab Hanafi bertentangan dengan hadis.
12. *"Syarhut-Thahawi"*, karangan Syekh Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi.
13. *"At-Ta'liqus Shabih Ala Misykatil-Mashabih"*, karangan Syekh Muhammad Idris Al-Kandahlawi. Satu syarahan kepada kitab "Misykat".
14. *"Al-Mushaffa"*, karangan Syekh Ya'qub Al-Bayani Al-Lahori.
15. *"Al-Muhalla"*, karangan Syekh Salamullah Ad-Dahlawi.
16. *"Al-Mussawa"*, karangan Syekh Waliyullah Ad-Dahlawi.
17. *"Al-Mushaffa"*, karangan Syekh Waliyullah Ad-Dahlawi (dalam bahasa Persia).

SYARAH-SYARAH KITAB SHAHIH BUKHARI:

1. *"Hidayatus Salik"*, karangan Imam Mufti Shibghatullah Al-Madrasi.
2. *"Faidhul Bari"*, karangan Sayyid Abdul Awwal Al-Hussaini.
3. *"Al-Khairul Jari"*, karangan Syekh Ya'qub Al-Bayani Al-Lahori.
4. *"Anwarul Bari"*, karangan Syekh Sayyed Ahmad Ridha Al-Bajnuri (dalam bahasa Urdu).

SYARAH-SYARAH SHAHIH MUSLIM:

1. *"Al-Mu'allim"*, karangan Syekh Ya'qub Al-Bayani Al-Lahori.
2. *"Al-Matharus-Tsajjaj Fi Syarhi Muslim Ibnil Hajjaj"*, karangan Syekh Waliyullah Ahmad Al-Muttaqi Al-Farrukhabadi.
3. *"Fathul Mulhim"*, karangan Syekh Syabbir Ahmad Al-Ustnabu,

SYARAH SUNAN ABU DAUD:

1. *"At-Ta'liqul Mahmud"*, karangan Syekh Fakhru Hasan Al-Ghanghuhi.

SYARAH TIRMIDZI:

1. *"Ja-izatusy Sya'wazi"*, karangan Syekh Wahiduzzaman Al-Laknawi.
2. *"Ath-Thibusy-Syaziyy"*, karangan Syekh Isyfaqur-Rahman Al-Kandahlawi.

SYARAH SUNAN NASAI:

1. *"Ar-Raudhur-Raba Fi Syarhi Sunanil Mujtaba"* (Sunan Nasai), karangan Syekh Wahiduzzaman Al-Laknawi.

SYARAH SUNAN IBNU MAJAH:

1. *"Raf'ul Ujajah"*, karangan Syekh Wahiduzzaman Al-Laknawi.

DALAM ILMU USHUL HADIS DAN ASMAUL-RIJAL:

1. *"Syarhu Nukhbatil Fakir,"* karangan Syekh Wahiduddin Al-Alawi Al-Ghujarati.
2. *"Im'anun Nazhar Fi Syarhi Nukhbatif Fikar"*, karangan Syekh Muhammad Akram As-Sindi.
3. *"Bughyatul Gharib Fi Mushthalahi Astaril Habib"*, karangan Sayyid Murtadha Al-Husaini Al-Bilkarami.
4. *"Al 'Ujalatun Nafi'ah"* (dalam bahasa Persia), karangan Syekh Syah Abdul Aziz bin Waliyullah Ad-Dahlawi.
5. *"Manhajul Wushul Ila Ishthilahi Ahadistir-Rasul"*, (dalam bahasa Persia), karangan Sayyid Shiddiq Hasan Khan.
6. *"Al-Asmaul Musaddad Fi Ruwati Muwaththail Imam Muhammad"*, karangan Syekh Muhammad Idris An-Nakarami.

7. *"al-Hawi Ala Rijalit Thahawi,"* karangan Maulanan Habibur-Rahman Al-A'zhami.
8. *"Al-Yani'ul Jani Fi Asanidis Syekh Abdul Ghani",* karangan Syekh Muhsin Yahya At-Turahati.